



**MPU 2452 KHIDMAT MASYARAKAT
SEMESTER I (JANUARI - APRIL)
2022**

**NAMA PROJEK
PAW HEAVEN**

**TEMPAT:
JALAN PADI MAHSURI**

**TARIKH:
12 MAC 2022**

**HARI:
SABTU**

KUMPULAN DOBERMAN

- > Nurmaradewi Binti Maracan
- > Tan Zing Xian
- > Arthuric Gideon Jiwin
- > Muhammad Nabil Bin Mohusyen
- > Faiaqil Ikram Bin Jaafar
- > Ahmad Qayyum Bin Jablin

ISI KANDUNGAN

1.0 Penghargaan	3
2.0 Pendahuluan	3
3.0 Jawatankuasa Program	3-4
4.0 Tujuan Program	5
5.0 Objektif Program	5
6.0 Aturcara Program	5
7.0 Aktiviti yang telah dijalankan	6- 9
8.0 Belanjawan	9-11
9.0 Maklum balas Komuniti	12-14
10.0 Sumbangan	14
11.0 Cabaran	14-15
12.0 Cadangan	15
13.0 Penutup	15
Lampiran	17


1.0 PENGHARGAAN

Dengan ini, ketua program ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli jawatankuasa serta ahli sukarelawan untuk menjayakan program “Paw Heaven” ini. Selain itu, ketua program juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang menyelaraskan projek ini.

2.0 PENDAHULUAN

Projek “paw Heaven” merupakan projek membantu haiwan jalanan dengan memberi makan kepada haiwan jalanan.

3.0 JAWATANKUASA PROGRAM



3.1 TUGAS-TUGAS AHLI JAWATANKUASA

JAWATAN	NAMA	TUGASAN
Pengerusi	Nurmaradewi Maracan	<ul style="list-style-type: none"> > Memberi tugas serta panduan kepada ahli jawatankuasa. > Bertanggungjawab atas keselamatan ahli- ahli yang terlibat dalam program Paw heaven. > Menyelia setiap tugas ahli jawatankuasa.
Setiausaha	Arthuric Gideon Jiwin	<ul style="list-style-type: none"> > Mengumpul maklumat program. > Membuat laporan program. > Bertanggungjawab dalam penyediaan pengangkutan ahli peserta.
Bendahari	Tan Zing Xian	<ul style="list-style-type: none"> > Mengira kos belanjawan program > Bertanggungjawab dalam mengumpul yuran ahli > Bertanggungjawab dalam biro kebersihan serta menyediakan beg plastik dan sarung tangan
AJK	Faiaqil Ikram Jaafar	>Merakam dan mengambil gambar program.
AJK	Muhammad Nabil Mohusyen	> Membantu untuk merakam aktiviti program
AJK	Ahmad Qayyum Jablin	<ul style="list-style-type: none"> >Menyediakan cenderamata > Mengedit video program

4.0 TUJUAN PROGRAM






Tujuan program ini adalah untuk mewujudkan perasaan cinta masyarakat terhadap haiwan-haiwan jalanan. Selain itu, projek ini juga bertujuan untuk membina sifat bekerjasama serta keyakinan diri melalui pembimbingan ahli sukarelawan dalam

aktiviti yang akan dijalankan dalam program “Paw Heaven”.

5.0 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah untuk menunjukkan keprihatinan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada komuniti serta mendekati diri dengan masyarakat. Selain itu, adalah untuk menampilkan dan menghayati ciri-ciri insan yang berakhlak mulia dan nilai yang positif. Seterusnya, adalah untuk memupuk semangat kecintaan terhadap haiwan dan semangat budaya tolong-menolong sesama masyarakat serta berganding bahu dengan badan bukan kerajaan dalam menjaga kebajikan haiwan.

6.0 ATURCARA PROGRAM

MASA	ATURCARA	TINDAKAN
12:00- 12:30pm	Berkumpul	 Berkumpul di hadapan Medan Selera Mahsuri
12:30-12:45pm	Taklimat	 Mengadakan taklimat ringkas tentang program
12:45-1:15pm	Menjalan aktiviti	 Mencari dan memberi makanan kepada haiwan jalanan
1:15-2:00pm	Rehat	 Berehat
2:00-2:15pm	Penyampaian cenderamata	 Menyampaikan cenderamata kepada ahli sukarelawan dan bersurai.

7.0 AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN

Program Paw Heaven bermula pada jam 12 tengahari dan di akhiri pada jam

2:15 petang. Pada jam 12, semua ahli program dan ahli sukarelawan berkumpul di tempat program iaitu di Jalan Padi Mahsuri. Sebelum memulakan aktiviti membantu haiwan jalanan, ketua program telah memberi taklimat serta ucapan kepada ahli sukarelawan. Pada jam 12:45 hingga 1:15 petang, aktiviti dijalankan. Aktiviti tersebut di akhiri dengan penyampaian cenderamara kepada ahli sukarelawan. Cara program ini dipromosi adalah melalui laman social iaitu "Whatsapp". Pautan group whatsapp Paw Heaven disebarikan dari group ke group Whatsapp. Orang yang ingin menyertai program tersebut boleh memasuki group Whatsapp "Paw Heaven" melalui pautan yang disebarikan. Pada hari kejadian, terdapat segelintir ahli sukarelawan tidak dapat hadir pada hari program. Walaubagaimanapun, aktiviti tetap diteruskan. Ahli sukarelawan dibahagikan kepada beberapa buah kumpulan. Selepas aktiviti tamat, cenderamata di berikan kepada setiap ahli sukarelawan. Setelah program berakhir, ketua program memberi ucapan dan kata-kata semangat kepada ahli sukarelawan.

GAMBAR- GAMBAR PROGRAM:



Gambar 1: Gambar kumpulan yang menganjurkan program



Gambar 2: Ahli sukarelawan sedang berkumpul



Gambar 3: Memberi makan kepada kucing jalanan



Gambar 4: Mencari haiwan jalanan



Gambar 5 : Pengagihan cenderamata kepada ahli sukarelawan

Pautan video program: <https://youtu.be/HsDs9IUIIzg>

8.0 BELANJAWAN

BIL	PERKARA	RM
1.	Barang keperluan haiwan - Makanan kucing (kering) (2) - Makanan kucing (basah) (34)	RM 48.00
2.	Alat keperluan - sarung tangan plastik - Beg plastik	RM 8.00
3.	Pengangkutan - kereta (grab)	RM30.00
4.	Cenderamata - Makanan ringan	RM 30.00
	JUMLAH	RM 116.00

JUMLAH YANG TELAH DIGUNAKAN:

BIL	PERKARA	RM
1.	Makanan kucing	RM33.55
2.	Alat keperluan - Sarung tangan - Bag plastik	RM0.00
3.	Grab	RM10
4.	Cenderamata (Roti dan Air kotak)	RM44.90
	Jumlah	RM88.45


Baki belanjawan = RM27.55

BUKTI-BUKTI PEMBELIAN:

1) Resit Perbelanjaan Cendermata



2) Resit Perbelanjaan Makanan Kucing



3) Resit Perbelanjaan Pengangkutan (Grab)


	Ride to Residensi Puncak Selatan Vida Heights	RM5.00
	12 Mar 2022, 13:29	
	Ride to Medan Selera Mahsuri	RM5.00
	12 Mar 2022, 11:43	

9.0 MAKLUM BALAS KOMUNITI

Program Paw Heaven telah membuat maklum balas daripada ahli sukarelawan melalui Google Form.


Pautan google form :

https://docs.google.com/forms/d/1DHTHiH2pB9Rd1afwwgiGcxO8FASohRVpNnwJ_nTa6I8/edit




Gambar Rajah 1.

> Sebanyak 85.7% ahli sukarelawan telah memberi 5 bintang atas kepuasan program ini berlaku dan sebanyak 14.3% hanya memberi 4 bintang. Hal ini menunjukkan kebanyakan ahli sukarelawan berasa puas hati dengan program ini.




Gambar Rajah 2.

> Sebanyak 71.4% ahli sukarelawan memberi 5 bintang dan berasa bahawa program ini manfaat kepada mereka manakala 28.6% memberi 4 bintang. Oleh itu, program ini berjaya menyampaikan manfaat kepada masyarakat.



Gambar Rajah 3.

> Berdasarkan maklum balas di atas, kebanyakan ahli sukarelawan telah menyatakan bahawa bahagian yang paling menyeronokkan adalah memberi makan kepada kucing. Hal ini menunjukkan bahawa ahli sukarelawan telah menyemarakkan perasaan cinta kepada haiwan.



Gambar Rajah 4.

> Sebanyak 100% ahli sukarelawan memberi 5 bintang kepada tindakan ahli jawatankuasa sepanjang program ini. Hal ini menunjukkan bahawa ketua program berjaya memberi panduan kepada ahli jawatankuasa.

State improvements which can help us organize a better program in the future.

6 responses

- set more specific time to organize program and improve the tentative program
- Feed more animals
- None
- Be on time
- Nothing. all was supprtive and the organize was okey.
- Must be ontime

Gambar Rajah 5.

> Berdasarkan maklum balas di atas, ahli sukarelawan telah menyatakan cadangan untuk memperbaiki aturcara program pada masa hadapan. Oleh itu, kumpulan yang menganjurkan program Paw Heaven akan memperbaiki aturcara program melalui maklum bals serta cadangan ahli sukarelawan.

10.0 SUMBANGAN

Setiap ahli sukarelawan telah membayar yuran ahli sebanyak RM5 dan digunakan sebagai sumbangan untuk program Paw Heaven. Ahli jawatankuasa juga telah menyumbangkan sarung tangan dan beg plastik untuk program tersebut. Namun, terdapat lebih belanjawan daripada projek tersebut. Setelah berbincang dengan ahli sukarelawan, mereka bersetuju untuk menyumbangkan lebih belanjawan kepada tabung masjid.

11.0 CABARAN

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi semasa hari program. Antaranya ialah bilangan ahli. Terdapat beberapa orang ahli sukarelawan tidak berjaya hadir ke program dan tidak memberi sebarang alasan atas ketidakhadiran. Ini menyebabkan kekurangan ahli sukarelawan. Walaubagaimanapun, program tersebut tetap berjalan. Seterusnya, ialah kesukaran pengangkutan. Terdapat ahli sukarelawan yang lambat dan menyebabkan kesukaran untuk menetapkan masa penempahan Grab.

12.0 CADANGAN

Cadangan untuk mendapatkan program yang lebih baik adalah dengan susunatur masa yang lebih efisien. Ketua program perlu mempromosi program lebih awal supaya lebih ramai peserta dapat menyertai. Selain itu, faktor tempat. Pemilihan tempat juga memainkan peranan untuk program yang berjaya. Oleh itu, ketua program hendaklah mencari tempat yang mempunyai banyak haiwan-haiwan jalanan.

13.0 PENUTUP

Dengan ini, ketua program ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli sukarelawan yang telah menjayakan program ini yang bermotifkan semangat kecintaan teradap haiwan. Berdasarkan ktiviti yang telah dijalankan, masyarakat telah menunjukkan sifat keprihatinan terhadap haiwan jalanan. Selain itu, program ini juga telah memberi sumbangan kepada tabung masjid melalui lebihan belanja projek ini. Oleh itu, program ini dapat menjadi contoh kepada masyarakat yang lain untuk menjadi insan yang baik hati.

Disediakan oleh,

.....
ARTHURIC GIDEON JIWIN
Setiausaha

.....
NURMARADEWI MARACAN
Ketua Projek

Disemak oleh,

.....
(MOHAMAD ZULFADHLI)
Pensyarah
Sekolah Pengajian Umum dan Pengurusan,
Jabatan Akademik,
Netherlands Maritime University College
(NMUC).

LAMPIRAN